

'Saya akan tanggungjawab tanpa gangguan'

BERITA HARIAN 05 JUN 2025 m/s. 14

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau akan meneruskan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri tanpa gangguan mahupun kompromi.

Beliau berkata demikian sebagai maklum balas terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang menolak per-

mohonannya merujuk lapan persoalan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan.

Anwar menerusi hantaran di Facebook semalam juga menegaskan proses perundangan bagi kes terbabit akan diteruskan.

"Saya komited terhadap keaulatan undang-undang, kebebasan badan kehakiman dan ma-

ruah tadbir urus demokratik.

"Proses perundangan bakal diteruskan dan saya akan terus melaksanakan tanggungjawab tanpa gangguan atau kompromi," kata Ahli Parlimen Tambun itu.

Dalam pada itu, Anwar menjelaskan, permohonan bagi merujuk lapan persoalan undang-undang, antaranya sama

ada Perdana Menteri memiliki kekebalan daripada sebarang tindakan saman itu, bukan bersifat peribadi.

Beliau yang juga Menteri Kewangan antara lain turut menegaskan permohonan berkenaan juga bukan untuk mengelak daripada penelitian undang-undang.

Sebaliknya, beliau berkata, ia difailkan berdasarkan kepentingan aspek integriti sistem Perlembagaan Persekutuan, selain keperluan memastikan jawatarawam tertinggi dilindungi daripada tindakan guaman yang mungkin bersifat strategik, bermotifkan politik atau mengganggu institusi.